

# UMNO Kelantan gembira Nik Aziz

## iktiraf PM

UM 30 OCT 2003.

KUALA LUMPUR 29 Okt.  
— Badan Perhubungan UMNO Kelantan menyambut baik ucapan terima kasih Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir yang disampaikan pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan semalam.

Pengerusinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata, ini adalah satu perkembangan positif kerana selama ini pemimpin Pas hanya mengajar pengikutnya untuk bersyukur dan berterima kasih kepada Allah sahaja tetapi tidak kepada manusia.

“Nik Abdul Aziz mengucapkan terima kasih kerana Dr. Mahathir telah membantu Kelantan dalam menyelesaikan masalah air dan beberapa projek lain di negeri itu.

“Bagi saya, ia adalah pengakuan terbuka Nik Abdul Aziz yang menunjukkan Kerajaan Pusat tidak pernah mengabaikan Kelantan seperti mana yang didakwa,” ujarnya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.